

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, January 20, 2020 10:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kelab Patriot Chapter Perlis (KPCPs) UUM Sampaikan Sumbangan Kepada Petugas Sempena Tahun Baru Cina



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 JANUARI 2020 / 24 JAMADILAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar oleh: Wan Mohd Iskandar Wan Ismail

KELAB PATRIOT CHAPTER PERLIS (KPCPs) UUM SAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA PETUGAS SEMPENA TAHUN BARU CINA



UUM ONLINE: Sempena sambutan Tahun Baru Cina tidak lama lagi, Kelab Patriot Chapter Perlis (KPCPs) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyampaikan sumbangan kepada pasukan perkhidmatan St. John Ambulans Negeri Perlis (SJAM Ps) yang akan bertugas pada hari perayaan tersebut mulai hujung minggu ini.

Presiden KPCPs, Muhammad Tasnim Abd Razak berkata, sumbangan air mineral itu adalah bagi kegunaan petugas dan mereka yang dibantu ketika menggunakan jalan raya atau lebuh raya di negeri ini.

"Beberapa ahli KPCPs akan turut bertugas dua hari sebelum dan selepas perayaan Tahun Baru Cina di negeri ini," katanya selepas penyerahan empat kotak air minuman kepada Pengerusi Perkhidmatan Ambulans Perlis, Dr. Yusri Yahya.

Sementara itu, Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Masuddi Mahmuddin ketika ditemui berterima kasih kepada pasukan SJAM Ps kerana memberi peluang kepada mahasiswa UUM yang berasal dari Perlis untuk turut berbakti kepada penduduk negeri kelahiran mereka.

Katanya, tugas sempena cuti perayaan seperti ini memerlukan semangat kesukarelaan dan pengorbanna yang tinggi, tambahan pula mereka kini sedang cuti semester.

“Saya melihat ini sebagai satu langkah terbaik, bukan sahaja membantu masyarakat malah membabitkan diri dengan badan bukan kerajaan (NGO),” katanya.

Pada masa sama, Dr. Yusri Yahya berterima kasih kepada UUM kerana membenarkan pelajaranya untuk turut serta dalam program kebangsaan ini.

Menurutnya, setiap tahun pasukan SJAM dari seluruh negara akan menjalankan tugas perkhidmatan selama 24 jam iaitu dua hari sebelum dan selepas perayaan besar di negara ini.

Katanya lagi, perkhidmatan ini adalah bagi membantu pengguna lebuhraya dan jalan raya di seluruh negara sekiranya terlibat dengan kemalangan jalan raya.

Bagi menyelaraskan tugas di negeri Perlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sena, Asrul Nizan Abd Jalil menyediakan bilik gerakan termasuk jamuan kepada semua petugas di Pusat Khidmat Rakyat DUN Sena itu.

Bagi mereka yang ingin menyalurkan sumbangan atau menyertai pasukan ini sebagai sukarelawan boleh menghubungi talian 013-3081948, 016-4463461 atau 010-6570507 untuk keterangan lanjut.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.